# PERANAN GRAFIK MEMBANTU INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI), DI BAHAGIAN TEKNIKAL KHUSUSNYA UNIT PERCETAKAN DAN UNIT PENERBITAN.


Oleh

ROZANITA BTE KHAIRUDDIN

Jabatan Senireka Grafik

I.C. I.T.M : 85252497


Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa oleh: ________________ Tarikh 3/4/89

2. Diperiksa oleh: ________________ Tarikh ________________

3. Diperiksa oleh: ________________ Tarikh ________________

Diluluskan oleh: ________________ Tarikh ________________

Ketua Kajian
Kajian Senilukis & Senireka
ITM, Shah Alam,
Selangor.

## Ucapan Penghargaan

Buku ini tidak mungkin dihasilkan tanpa bantuan dan sokongan yang menggalakkan daripada orang-orang yang 'istimewa'. Saya merasa sungguh bertuah dan sangatlah berbangga, diatas layanan, tunjuk ajar, nasihat, kritikan dan pertolongan yang diberikan oleh mereka.

Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan institut yang telah memberi sumbangan ikhlas mereka dalam melaksanakan segala tugas yang telah dipertanggungjawabkan, teristimewa kepada mereka yang terlibat secara langsung dan juga tidak secara langsung.

Ketua Pengarah MARDI
DATO DR. HAJI MOHD. YUSOF HASHIM

Ketua Unit Percetakan
En. Awaludin B. Arsan

Ketua Unit Perpustakaan
Puan Jariah bt. Jais

Pegawai Senireka
(Teristimewa) En. Zainal Abidin b. Tajuddin
PJK

Juruteknik Percetakan
PUAN MARINA FATIMAH BAPTIST

KANDUNGAN

Mukasurat

SEKAPUR SIRIH (i)

PENGHARGAAN (iii)

SENARAI CARTA DAN GAMBAR (iv)

KANDUNGAN (v)

BAB

I. PENGENALAN .................................... 2

II. SEJARAH MARDI ................................ 4

III. DEFINISI DAN PENGKELASAN BAHAGIAN TEKNIKAL ................................ 15

- Unit Percetakan
- Unit Penerbitan
- Kimia Analisa
- Khidmat Pandang Dengar

IV. SEJAUH MANAKAH KEBERKESANAN PERANAN GRAFIK DAN PEREKA DI MARDI. .............. 24

- Peranan Grafik
- Peranan Pereka

V. KESAN PENGGUNAAN ............................ 31

- Peranan Grafik di unit teknikal

- di percetakan.
- Kesan hubungan grafik di unit percetakan.
- Peranan grafik pada unit penerbitan dan dari segi jualan.
- Kesan dan hubungan grafik di unit penerbitan.

VI. CADANGAN, SARANAN DAN PENDAPAT .............. 46

VII. RUMUSAN .................................. 57

BIBILIOGRAFI .................................. 67

SENARAI SISIPAN ............................ 68

PENGENALAN

Kerajaan Malaysia telah meluluskan Akta MARDI dalam tahun 1969 bagi penubuhan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Bagaimanapun operasinya hanya dimulakan dalam tahun 1971. Rujuk kepada slide (1).

FUNGSI-FUNGSI

Fungsi-fungsi MARDI mengikut Akta MARDI adalah seperti yang berikut:

- Menjalankan penyelidikan saintifik, teknik, ekonomi serta sosiologi di Malaysia berkenaan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan semua jenis tanaman (melainkan getah dan kelapa sawit) serta ternakan.
- Brkhidmat sebagai pusat untuk mengumpulkan dan menyebarkan maklumat serta khidmat nasihat mengenai perkara-perkara saintifik, teknik serta ekonomi yang berkaitan dengan perusahaan pertanian termasuk menyiarkan laporan, terbitan-terbitan berkala dan kertas-kertas kerja ilmiah berkaitan denganya;
- Berkhidmat sebagai pusat pakar pengembang dalam perusahaan pertanian;
- Memberikan khidmat nasihat berkenaan dengan latihan pekerja-pekerja bagi penyelidikan saintifik dan teknik serta pengembangan;
- Memberikan bantuan kewangan bagi maksud penyelidikan